

Persatuan Jualan Langsung Malaysia Janji kami terhadap ANDA!

Sepintas lalu mengenai Kod Etika Jualan Langsung

Selama seabad, jualan langsung telah berkhidmat kepada masyarakat umum dengan menyediakan produk-produk berkualiti dan perhubungan yang meyakinkan. Apabila membeli daripada seorang penjual langsung, pastikan syarikat tersebut merupakan ahli DSAM. Semua syarikat ahli DSAM mesti mematuhi kod etika yang ketat bagi memastikan kepuasan dan perlindungan sepenuhnya kepada anda yang merupakan pengguna kami yang dihargai.

Setiap penjual langsung berjanji kepada perkara-perkara berikut:

Kami akan menghindari daripada amalan jualan yang mengelirukan atau tidak adil.

Kami akan menyediakan pengenalan diri.

Kami akan menyediakan huraian dan perbandingan produk yang tepat dan lengkap.

Kami akan menyatakan harga dan syarat-syarat pembayaran dengan jelas.

Kami akan menyediakan butir-butir penghantaran yang penting.

Kami akan menyediakan borang pesanan bertulis yang menyatakan hak waktu bertenang dan syarat-syarat jaminan/waranti.

Kami akan menyediakan huraian yang benar dan adil:

- Menyediakan hanya dakwaan produk yang dipersetujui oleh syarikat.
- Pengakuan yang benar, sesuai dan jitu, bebas daripada perbandingan atau ulasan yang mengelirukan / tidak adil.

Kami akan menghormati permintaan anda untuk privasi.

Kami akan membuat penghantaran tepat pada masanya.

Kami akan memberhentikan perbentangan jualan dengan serta-merta apabila diminta oleh pengguna.

Syarikat-syarikat kami berjanji kepada perkara-perkara berikut:

Kami akan menghindari daripada amalan perekrutan yang mengelirukan atau tidak adil.

Kami akan menyediakan informasi yang benar dan jitu mengenai peluang perolehan kami dengan berdasarkan fakta-fakta sebenar.

Kami akan menyediakan perjanjian berkontrak dengan penjual langsung kami.

Kami akan menyediakan status akuan berkala yang memperincikan pembelian, perolehan, komisen, bonus dan lain-lain informasi yang berkaitan.

Kami akan membeli semula, jika diminta, apabila berlakunya pemberhentian, mana-mana inventori yang belum dijual dan masih boleh dijual semula, bahan promosi, alat bantuan dan kit jualan yang dibeli dalam tempoh 6 bulan sebelumnya dan mengembalikan kepada anda kos asal setelah ditolak bayaran pengendalian yang tidak melebihi 10% daripada harga belian bersih.

Kami tidak akan mengharapkan anda membeli inventori dalam kuantiti besar yang tidak munasabah.

Kami tidak akan menjual bahan-bahan yang tidak mematuhi standard syarikat.

Kami akan menyediakan latihan bagi membolehkan penjual langsung mengusahakan perniagaan secara beretika.

Prosedur penyelesaian aduan

Syarikat-syarikat ahli kami berjanji akan berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan mana-mana aduan melalui proses penyelesaian aduan syarikat mereka.

Sekiranya aduan-aduan tersebut tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan, Pentadbir Kod Bebas DSA akan berusaha untuk menyelesaikan aduan-aduan yang berkaitan dengan kemungkinan berlakunya pelanggaran kod sehingga memuaskan semua pihak yang terlibat.

Jika anda mempunyai aduan:

Hubungi syarikat yang mana anda hendak mengadu. Kesemua syarikat yang mempunyai logo DSAM yang tertera pada risalah-risalah mereka berjanji akan menghormati Kod Etika dan menyelesaikan aduan-aduan dengan cara yang adil dan segera.

Jika aduan anda tidak dapat diselesaikan dengan segera dan tidak memuaskan anda dengan sepenuhnya, anda boleh berhubung dengan Pentadbir Kod bebas DSA.

Hantarkan aduan-aduan kepada:

Tan Sri Dr. Sulaiman Bin Mahbob
Pentadbir Kod
Persatuan Jualan Langsung Malaysia
1702, Blok A, Damansara Intan
1, Jalan SS 20/27
47400 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +6(03) 7726 9232
Faks: +6(03) 7726 9049
Emel: info@dsam.org.my